

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN
[HULU LANGAT]**

SOALAN

Tuan Mohd Sany Bin Hamzan [Hulu Langat] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah statistik penggunaan terkini Bas Perantara RAPIDKL dalam menyelesaikan isu ketersambungan pengangkutan awam terutamanya bagi laluan LRT/MRT.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. RapidKL merupakan penyedia perkhidmatan bas perantara bagi rangkaian ketersambungan perkhidmatan awam di stesen rel dengan jumlah 113 buah bas untuk rangkaian LRT dan 228 buah bas di rangkaian MRT yang melibatkan 154 laluan secara keseluruhan.
2. Perkhidmatan ini telah memberi manfaat kepada 20,313,256 jumlah penumpang berdasarkan data penumpang sehingga Mei 2024 dengan kenaikan 27% berbanding tempoh yang sama tahun 2023. Jumlah penumpang bagi bas pengantara laluan LRT adalah seramai 6,549,193 manakala jumlah penumpang bagi bas pengantara laluan MRT adalah seramai 13,764,063.

Sekian, terima kasih.